

ARAHAN PENGGUNAAN KANTA LEKAP

Jenama produk Bausch & Lomb

Nama Produk	No. Pendaftaran
Bausch & Lomb Biotrue Oneday (Nesofilcon A) Contact Lenses	GB77289406817
Bausch & Lomb Biotrue Oneday (Nesofilcon A) For Presbyopia Contact Lens	GB94289646618
Bausch & Lomb Biotrue Oneday For Astigmatism (Nesofilcon A) Contact Lens	GB22098802918
Bausch & Lomb Lacelle Diamond Daily Contact Lens	GB22112995018
Bausch & Lomb Lacelle Grace Contact Lens	GB54265802518
Bausch & Lomb Lacelle Jewel Contact Lens	GB54442647118
Bausch & Lomb Newgen45 Contact Lens	GB57444994918
Bausch & Lomb Purevision2 (Balafilcon A) Visibility Tinted Contact Lenses	GB91447319817
Bausch & Lomb Purevision2 Astigmatism (Balafilcon A) Visibility Tinted Contact Lenses	GB68447155017
Bausch & Lomb Purevision2 Presbyopia (Balafilcon A) Visibility Tinted Contact Lenses	GB21556319917
Bausch & Lomb Soflens 38 (Polymacon) Visibility Tinted Contact Lenses	GB82713802318
Bausch & Lomb Soflens 59 (Hilafilcon B) Visibility Tinted Contact Lenses	GB21875647018
Bausch & Lomb Soflens Daily Disposable (Hilafilcon B) Visibility Tinted Contact Lenses	GB88394646418
Bausch & Lomb Soflens Daily Disposable Toric (Hilafilcon B) Visibility Tinted Contact Lenses	GB98064828918
Bausch & Lomb Soflens Multi-Focal (Polymacon) Visibility Contact Lenses	GB29941646818
Bausch & Lomb Soflens Toric (Alphafilcon A) Contact Lenses	GB49407155117
Bausch + Lomb Ultra (Samfilcon A) Contact Lens	GB4953622-87421
Bausch + Lomb Ultra For Astigmatism (Samfilcon A) Contact Lens	GB5757422-87421
Bausch + Lomb Ultra for Presbyopia (Samfilcon A) contact lens	GB5699822-84942
Bausch + Lomb Ultra One Day Contact Lens	GB9970920-50833

Perkara yang perlu Diingat dan Dibuat Sebelum Memakai Kanta Lekap Anda

“Belajar memakai dan menanggalkan kanta lekap jenis lembut adalah semudah belajar mengikat tali kasut anda. Setelah mencuba beberapa kali, anda pasti dapat melakukannya dengan sekejap mata. Berikut adalah beberapa petua untuk membantu anda.”

- Sentiasa basuh tangan anda dengan sabun lembut, pastikan tiada wangian atau losen, dan keringkan tangan dengan tuala bebas serat sebelum menyentuh kanta lekap anda.
- Uruskan satu kanta lekap pada satu-satu masa bagi mengelakkan kekeliruan antara kanta lekap sebelah kanan dengan yang sebelah kiri.
- Sentiasa uruskan kanta lekap anda dahulu **SEBELUM** mengenakan atau menanggalkan solekan wajah dan mata.
- Jangan sesekali memakai kanta lekap jika terdapat wasap atau wap yang berbahaya atau merengsakan.



Pemakaian Kanta Lepak Anda dengan hanya Beberapa Langkah Mudah

- ❑ Letakkan salah satu kanta lekap di hujung jari telunjuk anda. Pastikan bahagian kanta yang betul menghadap ke luar (tepi kanta sepatutnya menghala ke atas, bukan ke bawah).
- ❑ Pandang terus ke hadapan. Tarik bahagian bawah kelopak mata anda dengan jari tengah tangan yang sama.
- ❑ Tarik kelopak atas mata dengan jari tengah tangan yang satu lagi dan pandang ke atas.
- ❑ Letakkan kanta di bahagian bawah mata putih dengan perlahan-lahan.
- ❑ Alihkan jari telunjuk dan lepaskan kelopak mata anda.
- ❑ Pandang ke bawah dan tutup mata buat seketika. Kanta akan bergerak ke tengah dengan sendirinya.
- ❑ Ulangi langkah di atas untuk memakai kanta yang satu lagi.
- ❑ Sekarang anda boleh bersolek dan menikmati hari anda.



"Pastikan anda sentiasa membawa penitis mata untuk melembapkan kanta lekap apabila memakai kanta lekap. Letakkan satu atau dua titis sepanjang pemakaian kanta lekap supaya anda lebih selesa."

Menanggalkan Kanta Lepak Anda adalah Mudah



"Sentiasa patuhi jadual penggantian dan arahan penjagaan yang disyorkan oleh Pengamal Kesihatan Mata anda."

- Sentiasa basuh tangan anda dengan sabun lembut, pastikan tiada wangian atau losen, dan keringkan tangan dengan tuala bebas serat sebelum menyentuh kanta lekap anda.
- Pandang ke atas dan tarik bahagian bawah kelopak mata anda dengan jari tengah tangan yang anda gunakan untuk menulis.
- Letakkan jari telunjuk anda di bahagian bawah tepi kanta, dan alihkan kanta ke bahagian mata putih anda.
- Cubit sedikit kanta antara jari telunjuk dan ibu jari, dan alihkan dengan perlahan-lahan.
- Jika anda memakai kanta pakai buang harian guna sekali, buang kanta ke dalam tong sampah.
- Jika anda memakai kanta yang sesuai untuk pemakaian berulang, anda perlu membersihkan, melakukan disinfeksi dan menyimpan kanta dalam larutan kanta lekap yang sesuai.



Petua Penjagaan untuk Kesihatan Mata dan Penglihatan yang lebih Baik dengan Kanta Lepak Anda

PATUT DILAKUKAN

- ❑ Sentiasa aturkan janji temu yang tetap dengan pengamal kesihatan mata anda.
- ❑ Sentiasa hubungi pengamal kesihatan mata anda jika anda mengalami apa-apa simptom keradangan atau jangkitan mata yang luar biasa, contohnya, kerengsaan mata, mata merah dan lelehan daripada mata.
- ❑ Larutan kanta lekap yang sudah tamat tempoh mesti dibuang. Setelah botol larutan kanta lekap dibuka, larutan itu mesti dibuang selepas tempoh tertentu. Periksa tempoh tersebut dengan pengeluar larutan kanta lekap atau pengamal kesihatan mata anda.

TIDAK PATUT DILAKUKAN:

- ❑ Jangan sesekali menggosok kanta lekap anda dengan apa-apa bahan selain hujung jari anda dan larutan kanta lekap. Tisu, bebola kapas dan putik kapas tidak boleh digunakan untuk membersihkan atau menggosok kanta lekap.
- ❑ Jangan sesekali menggunakan ubat titis mata semasa memakai kanta lekap tanpa merujuk pengamal kesihatan mata anda terlebih dahulu. Jika anda perlu menggunakan ubat titis mata, tanggalkan dahulu kanta lekap sebelum menitikkan ubat tersebut ke atas mata. Setelah ubat dititiskan, tunggu 10 - 20 minit sebelum memakai kanta lekap.
- ❑ Jangan sesekali menggunakan larutan bergaram untuk menggantikan larutan kanta lekap sebagai larutan pembersihan dan disinfeksi.
- ❑ Jangan sesekali mendedahkan kanta lekap lembut anda kepada air paip, botol, suling, tasik atau laut.
- ❑ Jangan sesekali memakai kanta lekap lebih daripada masa yang ditetapkan atau disyorkan.
- ❑ Jangan sesekali bertukar-tukar atau berkongsi kanta lekap dengan orang lain.
- ❑ Jangan sesekali berenang dengan hanya memakai kanta lekap anda. Jika anda perlu memakai kanta lekap untuk berenang, pastikan anda menggunakan kanta lekap pakai buang guna sekali yang dilindungi oleh sepasang gogal kedap udara dan buang kanta sebaik sahaja anda habis berenang.
- ❑ Jangan sesekali memakai kanta lekap semasa rawatan wajah atau rawatan spa.


Petua ini boleh membantu anda dalam pemakaian dan penjagaan kanta lekap anda, serta membolehkan anda menikmati penglihatan yang lebih jelas, kesihatan mata yang lebih baik dan keselesaan pemakaian kanta yang maksimum. Selain daripada petua ini, patuhi nasihat pengamal kesihatan mata anda.

Jika Anda Menggunakan Kanta Lepak Kosmetik, Patuhi Perkara yang Berikut:


Kanta lekap kosmetik (termasuk kanta tanpa kuasa) ialah peranti perubatan dan seperti semua kanta lekap lain, ia perlu dipadankan sewajarnya oleh pengamal kesihatan mata yang bertauliah.

- ❑ Patuhi jadual penggantian kanta lekap dan arahan penjagaan yang disyorkan oleh pengamal kesihatan mata anda.
 - Kanta lekap kosmetik pakai buang harian atau guna sekali mestilah dibuang selepas sekali penggunaan dan tidak boleh dipakai semalaman.
 - Anda perlu membersihkan, melakukan disinfeksi dan menyimpan kanta lekap kosmetik guna semula mengikut syor pengamal kesihatan mata anda dan pengeluar kanta lekap.
- ❑ Jangan sesekali membeli kanta lekap melalui Internet, kedai fesyen atau mana-mana tempat tanpa menjalani pemeriksaan mata dan pepadanan kanta lekap sewajarnya oleh pengamal kesihatan mata yang bertauliah.
- ❑ Seperti semua kanta lekap lain, kanta kosmetik tidak sepatutnya dikongsi dengan orang lain.

Jenis Kanta Lepak Lembut



Jernih



Kanta kosmetik bulat



Kanta kosmetik berwarna

Pedoman Penting:

Jika anda mengalami apa-apa masalah atau ragu-ragu tentang kanta lekap anda, dapatkan NASIHAT daripada Pengamal Kesihatan Mata anda.

Soalan Lazim oleh Pengguna Kanta Lepak Kosmetik

- Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu diambil semasa menggunakan kanta lekap kosmetik?

Kanta lekap kosmetik (termasuk kanta tanpa kuasa) ialah peranti perubatan dan perlu “dikendalikan” sama seperti kanta lekap lain. Kanta lekap kosmetik perlu dipadankan oleh pengamal kesihatan mata yang bertauliah berserta arahan pemakaian dan penjagaan kanta, termasuk kebersihan dan pengendalian, masa pemakaian dan jadual penggantian.

- Adakah semua kanta lekap kosmetik menggunakan pewarna tambahan/pigmen yang diluluskan oleh badan kawal selia?

Terdapat banyak pengeluar kanta lekap kosmetik di seluruh dunia. Sesetengah pengeluar dan kemudahan pengeluaran ini mungkin tidak memenuhi piawaian antarabangsa. Oleh itu, pengguna tidak boleh menganggap bahawa semua pewarna tambahan atau pigmen yang digunakan dalam kanta lekap kosmetik mematuhi keperluan kawal selia yang ditetapkan. Pengguna hendaklah bertanya kepada pengamal kesihatan mata mereka untuk memastikan kanta lekap kosmetik yang mereka gunakan mengandungi pigmen yang dibenarkan dan mempunyai kualiti yang baik. Pengguna hendaklah mendapatkan nasihat pengamal kesihatan mata yang bertauliah sebelum membeli kanta lekap kosmetik.

- Saya pernah melihat video dalam Internet yang menunjukkan orang menggosok kanta lekap kosmetik dengan putik kapas. Adakah cara ini dibenarkan bagi penjagaan kanta lekap?

Semua kanta lekap (jernih dan berwarna) mesti dibersihkan dengan larutan pembersih, pembilas dan disinfeksi yang sesuai dengan menggunakan hujung jari yang lembut untuk menggosok kanta dengan perlahan. Barangan kapas meninggalkan serat dan penggunaan bahan selain hujung jari yang lembut untuk menggosok kanta lekap adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan kanta sehingga ia tidak lagi sesuai dipakai. Kanta pakai buang harian tidak sepatutnya dibersihkan atau digosok kerana ia adalah untuk sekali penggunaan dan hendaklah dibuang setelah ditanggalkan.

- Mengapakah saya perlu merujuk pengamal kesihatan mata jika saya hanya menggunakan kanta lekap kosmetik tanpa kuasa kanta atau kuasa biasan (kuasa Plano)?

Kanta lekap kosmetik (termasuk kanta tanpa kuasa) ialah peranti perubatan, sama seperti mana-mana kanta lekap lain. Bagi memastikan anda dapat menggunakannya dengan baik dan selamat untuk jangka masa panjang, kanta lekap kosmetik perlu dipadankan sewajarnya beserta arahan pemakaian dan penjagaan susulan oleh pengamal kesihatan mata yang bertauliah.

- Adakah kanta lekap selamat dipakai semasa hamil?

Tiada indikasi yang menunjukkan kanta lekap (jernih atau berwarna) menjejaskan ibu mengandung dan bayi dalam kandungan. Namun begitu, perubahan hormon, metabolisme, penahanan bendalir dan peredaran darah boleh membuatkan mata anda berasa kering dan lebih rengsa semasa kehamilan. Anda hendaklah merujuk pengamal kesihatan mata anda jika simptom kerengsaan, mata merah atau kering berlaku kerana

mereka dapat memberikan nasihat terbaik untuk pemakaian kanta lekap semasa kehamilan.

- Adakah kanta lekap selamat dipakai semasa rawatan wajah atau rawatan spa?
Pemakai kanta lekap dinasihatkan untuk TIDAK memakai kanta lekap semasa rawatan wajah atau rawatan spa. Semasa rawatan ini, krim wajah atau air mungkin terpercik ke atas permukaan kanta lekap. Bahan ini boleh melekap pada permukaan kanta lalu mengakibatkan kerengsaan berpanjangan kepada mata anda. Jika anda tidak memakai kanta lekap, bahan seperti ini lebih mudah dibersihkan daripada permukaan mata oleh air mata dan kedipan mata yang biasa.
- Adakah saya perlu mengubah rutin solekan semasa memakai kanta lekap kosmetik?
Bagi menyolek bahagian di sekeliling mata dengan lebih baik, pakai kanta lekap anda sebelum mula bersolek. Anda digalakkan agar menggunakan maskara dan penggaris mata kalis air untuk mengelakkan solekan tertanggal dan comot. Alat solek tanpa minyak dan wangian adalah lebih sesuai bagi pemakai kanta lekap. Kanta lekap hendaklah ditanggalkan terlebih dahulu sebelum menggunakan produk penanggal solekan dan pelembab wajah.

Pembersihan dan Penyenggaraan Kanta Lepak

Regimen harian ini disyorkan oleh Bausch + Lomb untuk penggunaan kanta lekap yang sihat dan selesa.

1. Basuh tangan anda dengan sabun tanpa wangian dan keringkan tangan dengan tuala bebas serat.
2. Letakkan sekurang-kurangnya 3 titis larutan kanta lekap pelbagai guna pada kedua-dua belah permukaan kanta dan gosok dengan perlahan selama 20 saat menggunakan hujung jari.
3. Bilas kedua-dua belah permukaan kanta secara menyeluruh selama 5 saat dengan larutan kanta lekap pelbagai guna.
4. Letakkan kanta lekap yang sudah dibersihkan di dalam bekas kanta dan isikan dengan larutan kanta lekap pelbagai guna yang baharu. Rendam sekurang-kurangnya selama empat (4) jam. Pastikan anda sentiasa menggunakan larutan yang baharu — buang larutan daripada bekas kanta setiap kali kanta digunakan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bausch.com.my

©BAUSCH + LOMB Incorporated